

HSC324: SEJARAH ASIA TIMUR


SOALAN 1: KEMBANGKAN SATU PENERANGAN KOMPREHENSIF MELALUI PEMBENTANGAN TENTANG BAGAIMANA ALAM MEMPENGARUHI PERMULAAN DAN PERKEMBANGAN TAMADUN SERTA SEJARAH ASIA TIMUR (CHINA, JEPUN DAN KOREA) DISUSULI KONSEP-KONSEP ASAS DALAM SEJARAH CHINA TRADISIONAL -- *TIAN* (*TIEN*), *TIANMING* (*TIEN-MING*), *TIANZI* (*TIEN-TZU* / *TIEN-ZI*), *YINYANG* (*YIN-YANG*), *WUXING* (*WU-HSING*) DAN *ZHONGGUO* (*CHUNG-KUO*).

NAMA AHLI KUMPULAN:

1. CAROLINE VICTORIA D'SILVA (147809)
2. CHU SUYE (149018)
3. AMISYA BINTI ISMAIL (145602)
- 4 AZIM HAWARY ABDUL RASHID (145557)
5. FATIN NURSYAHIRA BINTI MOHD HIDZIR (141074)
6. ELLYA MAISARAH BINTI SHAFIEE (147900)

DISEDIAKAN UNTUK: DR TAN CHEE SENG
TUTORIAL 1: KHAMIS (2-3 PETANG)

PEMBENTANG ANDA PADA HARI INI



MAISARAH



AZIM



AMISYA



CAROLINE



FATIN



CHU SUYE

PERNYATAAN TESIS


Kumpulan kami bersetuju bahawa alam telah mempengaruhi permulaan dan perkembangan tamadun serta sejarah Asia Timur (China, Jepun dan Korea).

Kumpulan kami juga bersetuju bahawa terdapat konsep-konsep asas dalam sejarah China tradisional iaitu *tian* (*t'ien*), *tianming* (*t'ien-ming*), *tianzi* (*t'ien-tzu*)/ (*t'ien-zi*), *yin-yang*, *wuxing* (*wu-hsing*) dan *zhongguo* (*chung-kuo*)

PENGENALAN

- - Alam merujuk kepada segala yang merangkumi semesta ataupun bumi. Ini termasuklah binatang, tumbuh-tumbuhan, galian dan seluruh sumber daya alam di langit dan bumi.
- Keadaan alam memainkan peranan yang sangat penting khususnya dalam mempengaruhi kehidupan manusia serta permulaan dan perkembangan sesuatu tamadun.
- Secara umumnya, peningkatan tamadun merujuk pada kemampuan manusia menggunakan pemikiran mereka mengawal dan menggunakan sepenuhnya alam persekitaran untuk membentuk kehidupan yang lebih maju dan kompleks. Peningkatan itu berkait secara langsung dengan kemahiran menghasilkan idea-idea baru dalam memajukan dan meningkatkan cara hidup. Kemajuan tamadun dapat diukur melalui pencapaian manusia dalam tiga aspek utama iaitu peningkatan politik, peningkatan ekonomi dan peningkatan sosial.





BAGAIMANA ALAM MEMPENGARUHI PERMULAAN DAN PERKEMBANGAN TAMADUN SERTA SEJARAH ASIA TIMUR (CHINA, KOREA DAN JEPUN).

CHINA

1. ALAM MEMPENGARUHI SISTEM PEMERINTAHAN

- ❖ Raja-raja Dinasti Zhou mula menggunakan beberapa konsep penting dalam pemerintahan seperti '*Mandat dari Langit*' dan '*Anak Langit*'.
- ❖ Masyarakat China mempercayai bahawa Raja merupakan Putera Putera Ti'en (*Tien tzu*) yang mendapat mandat daripada Tuhan (*t'ien-ming*) untuk mentadbir.
- ❖ *Ti'en tzu* ini seharusnya merupakan tokoh paling berwibawa dalam kalangan seluruh manusia dan perlu diwarisi sifat kesempurnaan dalam segala aspek.
- ❖ Menurut kata *Mengtzu (Mencius)*, seorang pelopor aliran Kungfutz, "Yang mengakuri *T'ien* akan kekal, yang mencanggahi *T'ien* akan punah."
- ❖ Keyakinan terhadap Mandat *T'ien* (*t'ien-ming*) ialah kepercayaan orang China tradisional terhadap adanya perubahan sejarah manusia disebabkan berubahnya keadaan dan penggantian unsur kekuasaan pada alam itu sendiri.
- ❖ Wu Hsing antara kepercayaan paling mahsyur dalam kalangan orang China. Wu Hsing iaitu Lima Unsur atau Lima Penggerak terdiri daripada tanah, air, api, logam dan kayu (pokok).
- ❖ Tegasnya, jelaslah bahawa alam telah mempengaruhi sistem pemerintahan semasa Tamadun China berlaku.



2. ALAM MEMPENGARUHI SISTEM KEPERCAYAAN

- ❖ Kepercayaan kepada kuasa-kuasa luar biasa yang dianggap suci berpunca daripada kepercayaan kuasa semula jadi.
- ❖ Pemujaan nenek moyang dan *Tian* di samping kepercayaan primitif, iaitu animisme iaitu pemujaan binatang, tanaman, matahari, bintang, sungai serta kuasa-kuasa lain yang dipercayai wujud dalam alam semula jadi.
- ❖ Mereka juga memohon pertolongan nenek moyang melalui ramalan menerusi pendeta cina dengan menggunakan tulang nujum yang ditulis dengan pelbagai soalan, dihempaskan dan garisan-garisan yang pecah tersebut akan dibuat ramalan.
- ❖ Masyarakat China juga pada zaman dahulu turut menekankan Konsep *Tian* atau langit sebagai makhluk unggul yang menguasai nasib seseorang telah wujud sejak dinasti *Zhou* (23SM-221SM) di samping membawa maksud prinsip tertinggi dalam alam semesta serta dalam konteks etika Konfusianisme.
- ❖ Kepercayaan kepada bencana alam seperti kemarau, banjir, serangan belalang dan bawaan penyakit adalah ketentuan tuhan. Ini menyebabkan mereka menyembah alam sekitar seperti matahari, bulan, bintang, bumi dan sebagainya yang dianggap mampu mengubah sesuatu keadaan. Contohnya masyarakat Lembah Hwang Ho iaitu *Shang Ti* menyembah alam sekitar.
- ❖ Tegasnya, jelaslah menunjukkan bahawa alam telah mempengaruhi sistem kepercayaan semasa Tamadun China berlaku.



3. ALAM SEKITAR MELAHIRKAN KONSEP REVOLUSI PERTANIAN


- ❖ Peradaban pertanian purba di negara China yang memperlihatkan kesanggupan manusia untuk menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca dan lokasi geografi yang berbeza di kedua-dua dataran loes tinggi dan lembah Sungai Yangzi, dan menghasilkan apa yang disebut Kebudayaan *Milet* (Bijirin) dan Kebudayaan Sawah Padi yang wujud secara berasingan di bahagian utara dan selatan China.
- ❖ Mengenai peranan dan kepentingan sungai, pengaliran sungai yang kebanyakannya menghala ke kawasan timur atau selatan, di samping musim panas yang jauh lebih panjang berbanding dengan keadaan di utara telah menggalakkan pergerakan penduduk, terutamanya para petani untuk menetap dibahagian selatan China.
- ❖ Berbanding dengan bilangan penduduk yang agak besar sejak dinasti *Qin* (221SM-206SM) dan *Han* (206SM-220TM), tanah yang sesuai untuk dijalankan kegiatan bercucuk tanam itu adalah terhad. Tekanan kekurangan tanah ini telah mengakibatkan tanah diusahakan secara maksimum.
- ❖ Justeru itu, jelaslah di sini bahawa alam telah mempengaruhi pertanian sehingga memberi kesan yang besar kepada kehidupan manusia dan menjadi penyambung kepada permulaan tamadun.



KOREA

1. ALAM SEKITAR MEMPENGARUHI AKTIVITI MANUSIA

- ❑ Korea terletak di Semenanjung Korea di timur laut Asia. Ia dikelilingi dua buah negara dan tiga buah lautan. Di barat laut adalah Sungai Yalu yang memisahkan Korea dari China. Di timur laut adalah Sungai Tumen yang memisahkan Korea dengan Rusia. Laut Kuning berada di hala barat, Laut China Timur di selatan, dan Laut Jepun (Laut Timur) di timur Korea.
- ❑ Lokasi geografi Korea yang terletak berhampiran kawasan laut telah mempengaruhi kegiatan aktiviti masyarakat nomad pada ketika itu. Laut ini telah dijadikan sebagai sumber bekalan air dan makanan. Mereka menangkap ikan sebagai sumber protein demi untuk meneruskan kelangsungan hidup.
- ❑ Selain itu, kawasan pinggir pantai ini telah membolehkan masyarakat primitif Korea pada ketika itu membina kawasan petempatan tetap di kawasan-kawasan tertentu dan mereka tidak lagi perlu berpindah randah.
- ❑ Mereka mula mencipta rakit, perahu dan kapal layar untuk dijadikan alat pengangkutan dan membolehkan mereka bergerak dengan mudah.
- ❑ Oleh itu, tegaslah bahawa alam telah mempengaruhi aktiviti manusia sehingga membawa kepada kemunculan tamadun-tamadun awal Korea.



2. ALAM MEMPENGARUHI SISTEM KEPERCAYAAN

- ❑ Ajaran *Kong Fu Tze* memiliki pengaruh yang besar dalam pemikiran orang Korea.
- ❑ Maka menurut pendukung Konfusianisme, matlamat agama adalah untuk menerapkan dan membentuk nilai moral dalam diri manusia.
- ❑ Aliran ini tidak mempunyai kepercayaan “*adanya Tuhan disebalik alam ini*”, tidak mempunyai dakwaan-dakwaan kebenaran.
- ❑ Oleh itu, pengaruh kepercayaan terhadap alam sekitar yang muncul sebelum ini, Konfusianisme turut percaya terhadap penglibatan roh nenek moyang dalam kehidupan sehari-hari manusia di dunia.
- ❑ Sejak pertengahan kurun ke-20, agama Kristian telah bersaing dengan agama Buddha sebagai agama utama di Korea Selatan manakala Korea Utara pula tidak menggalakkan rakyatnya untuk menganut sebarang agama.
- ❑ Zaman keemasan agama Buddha di Korea berlaku semasa pemerintahan Dinasti Wang, Semenanjung Korea telah diambil alih oleh Dinasti Yuan Empayar Mongol, jadi agama Buddha di Korea banyak dipengaruhi oleh *Lamanisme* yang berasal dari Tibet.
- ❑ Walau bagaimanapun, apabila Dinasti Silla pada tahun 668 berjaya menyatukan Semenanjung Korea.
- ❑ Tegasnya, jelaslah di sini bahawa alam telah mempengaruhi sistem kepercayaan semasa Tamadun Korea berlaku.



JEPUN


Sistem Pemerintahan

- ✓ Maharaja Jepun dikaitkan dengan anak tuhan Matahari atau *Amaterasu*
- ✓ Memudahkan maharaja mengawal tindakan rakyat → rakyat sanggup melakukan apa sahaja demi memuliakan kedudukan maharaja serta sanggup menggadaikan nyawa dan harta benda demi keselamatan raja
- ✓ Kepercayaan kepada alam ini telah menjadikan masyarakat Jepun bersemangat untuk mempertahankan kerajaan
- ✓ Percaya bahawa alam sekitar dapat membantu mereka memperoleh kejayaan dan memudahkan mereka bersatu menentang kuasa luar
- ✓ Sebagai contoh : Peristiwa serangan tentera Mongul terhadap Jepun.
- ✓ Percaya bahawa ritual keagamaan yang diadakan oleh mereka telah menyebabkan tentera Mongul menemui kegagalan apabila kapal-kapal tentera Mongul musnah dilanda taufan besar ketika serangan berlaku
- ✓ Oleh itu, jelaslah bahawa alam telah mempengaruhi tamadun ataupun sejarah masyarakat Jepun melalui sistem pemerintahan mereka



Sistem Kepercayaan (Agama Shinto)

- ✓ Merupakan agama terawal yang wujud dalam Tamadun Jepun dan dikenali juga sebagai *Kaminomichi* atau *Jalan Kami/Jalan Tuhan*
- ✓ *Kami* → nenek moyang dianggap mempunyai kuasa luar biasa bagi memenuhi permintaan dan memberi perlindungan daripada bencana
- ✓ Mempunyai pengaruh animisme iaitu keyakinan kepada wujudnya roh dalam setiap benda
- ✓ Menyebabkan hubungan antara manusia alam sekeliling seperti gunung-ganang, alam langit, dan pokok menjadi harmoni
- ✓ Dengan mempercayai wujudnya kuasa alam, mereka akan meminta bantuan alam untuk memastikan mereka memperoleh kejayaan, mengelakkan daripada bencana dan bagi memelihara negara
- ✓ Kemudiannya berlaku kemunculan agama Buddha → mewujudkan satu kepercayaan yang baharu iaitu penyerapan unsur Shinto dalam agama Buddha
- ✓ **Tegasnya, sistem kepercayaan masyarakat Jepun yang berteraskan alam ini sememangnya telah mempengaruhi permulaan dan perkembangan tamadun Jepun**



Sistem Sosial

- ✓ Agama Shinto telah menyebabkan masyarakat Jepun sangat mencintai alam sekitar dengan penuh kesetiaan
- ✓ Mempercayai bahawa manusia, alam semulajadi dan tuhan *Kami* merupakan sebahagian daripada alam semesta dan bumi/alam sekitar merupakan anak kepada tuhan *Kami*
- ✓ Agama Shinto telah memberi impak kepada cara masyarakat bersosial di mana mereka sangat menghormati antara satu sama lain → melahirkan budaya menunduk hormat
- ✓ Menekankan pemberian salam dengan cara yang betul dan sopan kerana ianya merupakan lanjutan daripada konsep *Kotodama* iaitu percaya bahawa bahasa boleh mendatangkan kesan yang ajaib
- ✓ **Terbuktilah bahawa alam telah mempengaruhi permulaan dan perkembangan tamadun Jepun iaitu melalui sistem sosial.**



KONSEP-KONSEP ASAS DALAM SEJARAH CHINA TRADISIONAL SERTA CONTOH DINASTI YANG MENGGUNAKAN KONSEP TERSEBUT

Tian(t'ien)

- ❖ Satu kuasa teragung untuk memimpin manusia dalam kesentosaan.
- ❖ Merujuk kepada langit dan wujudnya syurga Dewa Tien
- ❖ Dikatakan bahawa Yang mengakuri T'ien kekal dan yang mencanggahi T'ien akan punah "Ti'en akan menurunkan kegembiraan atau bencana menurut tingkah laku seseorang yang memerintah tersebut

Tianzi (t'ien-tzu)

- ❖ Raja, ketua utama negara ialah Putera T'ien yang telah dianugerahi mandat memerintah.
- ❖ Merupakan seorang tokoh yang sempurna iaitu berwibawa untuk memimpin dan dihormati rakyatnya.
- ❖ Raja yang berjaya ialah yang direstui T'ien dan raja yang gagal ialah yang didurjanainya.
- ❖ Menjadi penghubung antara alam manusia dengan alam keruhanan yang lebih berkuasa.

Tianming(*t'ien-ming*)

- ❖ Merupakan mandat yang telah diberikan kepada raja yang memerintah sebagai tanda restu *T'ien*
- ❖ Jika amanat ini dicabuli maka restu tersebut akan ditarik semula
- ❖ Dimasyhurkan oleh Dinasti Shang iaitu melalui Wangsa Chou yang membenarkan dan menggalakkan puataran atau kitaran wangsa



Yinyang (yin-yang) 阴阳




- ❖ *Yin-yang* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh ajaran Dao (道) (Sugiri Kustedja, et. al., 2012: hlm. 207).
- ❖ Konsep *Yin-yang* saling berlawanan, saling bertindak serta saling melengkapi di alam semesta ini (Mohamad Fauzi Mohd Esan, et. al., 2018: hlm. 245).
- ❖ *Yin-yang* mempengaruhi semua perkara serta hadir dalam setiap objek atau setiap situasi.
- ❖ *Yin*: perempuan, keadaan yang pasif, sejuk, gelap, basah, lembut dan lain-lain; *Yang*: lelaki, aktif, panas, cerah, kering, keras dan lain-lain.
- ❖ Dalam bentuk fizikal, *Yang*: langit, *Yin*: bumi. (Sugiri Kustedja, et. al., 2012: hlm. 207).
- ❖ Kedua-dua kuasa ini tetap memainkan peranan penting dalam perkembangan serta menjamin kestabilan dan imbangan alam.

- ❖ Jika tiadaimbangan ini, maka berlakulah masalah bagi alam semula jadi. Contohnya, Apabila muncul gejala yang luar biasa di langit, maka hal ini akan difahami sebagai wujudnya tanda ketidakseimbangan *Yin* dan *Yang* di alam semesta ini. (Bryan E. Penprase, 2011: pp. 122).
- ❖ Konsep *Yin-yang* juga banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat. Contohnya teori tentang ilmu alkimia dan perubatan Cina tradisional, sukan tai-jiquan serta pembinaan bangunan di China (Sugiri Kustedja, et. al., 2012: hlm. 207).
- ❖ *Huang-ti Nei-Ching* (黄帝内经) yang ditulis pada abad ke-3 M. telah menyatakan konsep *Yin* dan *Yang* yang berperanan untuk menjelaskan konsep kesihatan manusia. (Afifah Abu Yazid, 2003: hlm. 166).
- ❖ Pada zaman kerajaan Tang, usaha menukar logam-logam bermutu rendah kepada emas dan perak yang disertai dengan konsep *Yin* dan *Yang* telah dilakukan. (Afifah Abu Yazid, 2003: hlm. 170).

Wu xing (wu-hsing) 五行

- ❖ “*Wu xing are not physical substances but metaphysical forces or modes which dominate or control certain periods of time, commonly the seasons, in a fixed succession*” (WM. Theodore De Bary & Irene Bloom, 1960: pp. 198).
- ❖ Lima unsur: kayu, api, air, logam dan tanah; berjalan mengikut susunan dan saling menghasilkan antara satu sama lain. Contohnya, kayu menghasilkan api, api menghasilkan tanah, tanah menghasilkan logam dan logam menghasilkan air.
- ❖ Kelima-lima unsur ini juga akan saling mengatasi dan melemahkan antara satu sama lain. Contohnya, api diatasi oleh air, air diatasi oleh tanah, tanah diatasi oleh kayu, dan kayu diatasi oleh logam, di mana susunannya menjadi begini iaitu api, air, bumi, kayu, logam.



- ❖ Lima unsur ini boleh menguasai sesuatu tempoh masa, terutamanya sesuatu musim. Unsur tanah = warna kuning akan menjadi unsur yang berada di antara unsur-unsur yang lain.

Unsur	Musim	Warna	Arah
Kayu	Bunga	Hijau	Timur
Api	Panas	Merah	Selatan
Logam	Luruh	Putih	Barat
Air	Sejuk	Hitam	Utara

- ❖ Wu xing ini juga dapat kita lihat dalam gagasan pusingan wangsa China. (WM. Theodore De Bary & Irene Bloom, 1960: pp. 200).
- ❖ Setiap dinasti akan memerintah berdasarkan *Wu xing* dengan menggunakan warna bagi unsur tertentu dalam pakaian dan homonya, serta menjalankan upacara yang seiring dengan unsur tertentu. Contohnya, Maharaja Pertama *Ch'in* mempercayai bahawa dinastinya diperintah oleh unsur air. Jadi, baginda menggunakan warna hitam sebagai warna rasmi. Bukan itu sahaja, baginda juga memusnahkan unsur yang mendahuluinya iaitu unsur api yang mengatasi unsur air (WM. Theodore De Bary & Irene Bloom, 1960: pp. 200).
- ❖ “*It should also be noted how misrule or failure to perform the acts proper to the season on the part of the government will cause disturbances in the natural order and bring calamity from Heaven.*” (Lü-shih ch'un-ch'iu, 1:1a-4a)

Zhongguo (中国)

- ❖ Perkataan Zhongguo wujud sejak era pemerintahan Raja Zhou Wuwang (1122 SM-1115 SM) (Ku Boon Dar, 2012: hlm. 36).
- ❖ Zhongguo juga telah dikenali dengan panggilan-panggilan lain seperti Zhonghua, Zhongria, Zhongyuan, Zhongdu dan Zhongtu yang semuanya membawa maksud yang sama (D. Tang, 1993).
- ❖ Menurut kajian Wang Ermin, Zhongguo mempunyai sepuluh pengertian yang berlainan dalam tradisi persejarahan China (Wang, E., 1982).

Semasa era pemerintahan dinasti Zhou, *Zhongguo*: suku kaum *huaxia* (华夏) iaitu kumpulan manusia yang terdiri daripada hasil campuran orang Cina dengan suku kaum asing dari Luoyang.

Pada pemerintahan dinasti Zhou Timur (770SM-256SM), *Zhongguo*: daripada wilayah-wilayah penguasaan Maharaja Zhou Timur kepada pengertian kerajaan-kerajaan kecil di sekelilingnya: Kerajaan *Jin*, *Zheng*, *Song*, *Lu*, *Wei* dan sebagainya.

Pada zaman Musim Bunga dan Musim Luruh (*Chunqiu*) / (春秋) (770 SM), pertumbuhan kerajaan-kerajaan Zhou Barat di Changzhou telah menyebabkan berlakunya percampuran antara pelbagai suku etnik. *Zhongguo*: wilayah-wilayah penempatan yang didiami oleh suku kaum asing yang berpayung di bawah kekuasaan Maharaja Zhou Barat.

Pada zaman dinasti Qin (221 SM-207 SM), *Zhongguo*: bercirikan geografi dan topografi akibat Maharaja Qin Shi Huangdi (259 SM-210 SM) yang berjaya menyatukan wilayah-wilayah Enam Negeri dan membentuk dinasti Qin.

KESIMPULAN

- ❑ Alam memainkan peranan yang penting dalam permulaan dan perkembangan tamadun serta sejarah Asia Timur dan diikuti konsep-konsep asas dalam sejarah China iaitu gagasan pusingan wangsa
- ❑ Alam telah mempengaruhi manusia dan cara penyesuaianya
- ❑ Merupakan elemen yang penting dalam pensejarahan China. Hal ini bertetapan dengan negara China yang mempunyai banyak pemerintahan yang terdiri daripada pelbagai wangsa.
- ❑ Keadaan ini berlaku apabila setiap zaman pemerintahan tersebut mempunyai peristiwa-peristiwa yang berulang – dikaitkan dengan konsep pusingan wangsa yang memaparkan hubungan yang terjalin antara alam dan manusia.

RUJUKAN

- Afifah Abu Yazid (peny.). *Pengajian Tamadun Asia*: Edisi Ke-2. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003.
- Bryan E. Penprase. *The Power of Stars*. New York: Springer, 2011.
- D. Tang (ed.). *Zhongguo Wenhua De Yuanliu (Source and Course of Chinese Culture)*. Jinan: Shandong renming chubanshu, 1993.
- Ku Boon Dar. 'Satu Kajian Mengenai Konsep Wufu dan Zhongguo dalam Hubungan Luar China'. *Jurnal Perspektif* 4, no. 2 (2012): 28-43.
- Lü Pu-wei. *Lü-shih ch'un-ch'iu: Spring and Autumn of Mr. Lü*. 247 BC-239 BC.
- Mohamad Fauzi Mohd Esa, et. al.. 'Tamadun China: Penerimaan dan Sumbangan Kepada Sains Islam'. Prosiding Seminar Tamadun Islam, (UTM, Malaysia, 2018).
- Sugiri Kustedja, et. al.. 'Kosmologi Media Interpretasi Makna Pada Arsitektur Tionghoa Tradisional'. *Jurnal Sosioteknologi* 11, no. 27 (2012): 194-228.
- Wang Ermin. *Zhongguo Jindai Si Xiangshi Lun (History and Theory of Modern China)*. Taipei: Huashi Chubanshe, 1982.
- WM. Theodore De Bary & Irene Bloom (ed.). *Sources of Chinese Tradition: Volume One*. United States of America: Columbia University Press New York, 1960.

**SEKIAN,
TERIMA
KASIH**